

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. KELVIN YII LEE WUEN  
(BANDAR KUCHING)**

**TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN :**

**DR. KELVIN YII LEE WUEN (BANDAR KUCHING)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan Kerajaan baru untuk menangani pandemik COVID-19 dan kesannya terhadap sosioekonomi, kesihatan mental rakyat dan pendekatan baru setelah pendekatan lalu telah menunjukkan kegagalan untuk menangani kesan pandemik ini.

**JAWAPAN**

**YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

**Tuan Yang Di Pertua,**

1. Kerajaan sentiasa berusaha untuk mengimbangi antara keperluan kesihatan awam, pemulihan semula ekonomi dan kesihatan mental rakyat dalam tempoh krisis pandemik ini.
2. Antara pendekatan yang telah diambil adalah mempercepatkan kadar vaksinasi penduduk Malaysia dengan sasaran mencapai imuniti kelompok pada penghujung Oktober 2021, melaksanakan Pelan Pemulihan Negara (PPN), pengumuman Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH), melaksanakan Program Subsidi Upah serta pelbagai inisiatif-inisiatif lain bagi membantu dalam pemulihan ekonomi negara.
3. Adalah dijangka kesan daripada perancangan ini, rantaian ekonomi akan diaktifkan sekaligus menyumbang kepada jaminan pasaran kerja, mengurangkan risiko pengangguran, meningkatkan dan memulihkan keyakinan pelabur dan pengeluar sekaligus menjadi faktor penggalak kepada sektor lain. Pelan pemulihan ekonomi ini juga dilihat akan dapat menjana pertumbuhan ekonomi negara dan memperbaiki kehidupan rakyat secara menyeluruh.
4. Pada masa yang sama, Kerajaan sedang bersedia dalam mempersiapkan rakyat untuk berhadapan situasi pandemik COVID-19 sebagai endemik yang mana virus ini telahpun berada dalam komuniti dan masyarakat perlu meneruskan kehidupan seharian dengan pematuhan SOP. Dengan peralihan fasa pandemik ke endemik, adalah dijangka keadaan sosio-ekonomi dan kesihatan mental rakyat juga akan bertambah baik.

Sekian, terima kasih.